

(6 Februari 2021) posmo, p. 4

3,392 kes sembuh melebihi kes baharu

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Negara mencatatkan kes harian sebanyak 3,391 yang antara lain disumbangkan oleh 88 kluster aktif, manakala angka kes sembuh melebihi kes baharu iaitu sebanyak 3,392 kes dilaporkan.

Selangor kekal kes baharu tertinggi iaitu sebanyak 1,228 kes diikuti oleh Johor sebanyak 598 kes dan Kuala Lumpur sebanyak 395 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kluster yang melaporkan pertambahan kes dengan peningkatan tertinggi melibatkan Kluster Jalan Rumbia Dua dengan 133 kes, Kluster Sri Sengkang (112 kes) dan Kluster Industri Serkam (96 kes).

Menurutnya, sebanyak 15 kluster baharu dikenal pasti dengan 12 daripadanya kluster berkaitan tempat kerja melibatkan Kluster Jalan Rumbia di Johor Bahru, Johor dengan 133 kes saringan bersasar sebuah kilang di Jalan Rumbia, Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat, Pasir Gudang.

"Kluster Sri Sengkang pula di Kulai, Johor dengan 126 kes hasil



WARGA kota menunaikan solat Jumaat selepas dibenarkan dengan penjarakan fizikal 1.5 meter di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur semalam. – SHIDDIQIIN ZON

saringan bersasar sebuah kilang di Kawasan Perusahaan Sri Sengkang, Kulai.

"Kluster Jalan Mokhtar pula membabitkan 26 kes hasil saringan bersasar sebuah pasar

raya di Jalan Raja Mokhtar, Kapar, Klang," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Ujarnya, Kluster Jalan Enam Belas di Petaling, Selangor meli-

batkan 41 kes hasil saringan bersasar sebuah pasar raya di Seksyen 16, Subang Jaya, Petaling.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan mendedahkan, satu

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	3,391
Import:	4
Tempatan:	3,387
Pulih	3,392
Kematian	19
Masih dirawat	48,751
Jumlah kes sembuh	185,278
Jumlah Kematian	845
Jumlah kes keseluruhan	234,874

lagi varian baharu Covid-19 iaitu B117 telah dikesan di negara ini yang membabitkan pengembara pulang dari Emiriyah Arab Bersatu (UAE).

Ketua Unit Virologi Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Dr. Ravindran Thayan berkata, individu tersebut yang juga rakyat Malaysia pulang dari UAE selepas menjalani latihan di sana.